

Siaran Akhbar

24 Jun 2021

EKUINAS KEKAL MEMBAWA NILAI UNTUK SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO DAN KOMUNITI DI TENGAH KETIDAKTENTUAN EKONOMI

Sorotan Penting: -

- Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar RM571.2 juta, menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan sebanyak 11.9% dan IRR bersih tahunan sebanyak 8.2%.
- Pada TK2020, jumlah pelaburan kumulatif Ekuinas bernilai RM4.4 bilion yang terdiri daripada pelaburan dalam 42 syarikat dan seterusnya telah menjana Jumlah Kemasukan Modal bersama rakan sektor swasta sebanyak RM5.0 bilion.
- Melalui pelaburan-pelaburan tersebut, Ekuinas juga telah meningkatkan pemilikan keseluruhan ekuiti Bumiputera kepada RM5.6 bilion, bersamaan dengan 1.4 kali ganda modal dilaburkan dan juga meningkatkan Nilai Jumlah Pemegang Saham kepada RM7.0 bilion, atau 1.8 kali ganda modal dilaburkan.

KUALA LUMPUR, 24 JUN 2021: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) hari ini mengumumkan keputusan kewangannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (TK2020) yang memperlihatkan daya bingkasnya dalam menyampaikan nilai kepada syarikat-syarikat portfolio di samping melaksanakan mandatnya walaupun dalam ketidaktentuan ekonomi.

Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar RM571.2 juta, menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan sebanyak 11.9% dan IRR bersih tahunan sebanyak 8.2%. Sementara itu, Ekuinas Direct (Tranche III) Fund mencatatkan Kerugian Kasar Portfolio sebanyak RM75.4 juta, bersamaan dengan IRR kasar tahunan sebanyak negatif 3.2%. Prestasi Fund III menunjukkan peningkatan sebanyak 7.6% berbanding tahun 2019, menunjukkan hasil pelaksanaan pelan penciptaan nilai (VCP) Ekuinas yang ketat dan menyeluruh untuk syarikat-syarikat portfolio dalam memelihara perniagaan, mengembalikan daya saing dan melaksanakan perubahan prestasi operasi dan kewangan mereka.

Di sebalik latar belakang pandemik global dan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan, Ekuinas tetap aktif dalam aktiviti-aktiviti pelaburannya dengan memperuntukkan komitmen sebanyak RM250.2 juta untuk memperkuuhkan syarikat-syarikat di bawah portfolionya. Dalam tahun tersebut, Ekuinas memperoleh kepentingan majoriti dalam Medispec (M) Sdn Bhd, pengedar terkemuka dan pemasar produk farmaseutikal dan makanan tambahan tempatan, menandakan kemasukan Ekuinas ke ruang penjagaan kesihatan dan farmasi. Di samping itu, Ekuinas juga komited untuk menyokong syarikat portfolio sedia ada menerusi pelaburan susulan dalam Icon Offshore Berhad dan Flexi Versa Group. Walaupun dalam tempoh perintah kawalan pergerakan, Ekuinas masih berjaya menyempurnakan penjualan syarikat pencuci mulut dan minuman tempatan, Coolblog Apps Sdn Bhd. Pelupusan ini membawa jumlah hasil realisasi Syarikat, termasuk pendapatan dari dividen dan faedah, kepada RM3.2 bilion.

Pada TK2020, jumlah pelaburan kumulatif Ekuinas bernilai RM4.4 bilion yang terdiri daripada pelaburan dalam 42 syarikat dan seterusnya telah menjana Jumlah Kemasukan Modal bersama rakan sektor swasta sebanyak RM5.0 bilion.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Ekuinas berkata, "Di peringkat global, terdapat penurunan mendadak dalam kegiatan ekonomi dan prestasi akibat daripada pandemik. Ini ditambah dengan ketidaktentuan ekonomi sedia ada, dan dirumitkan dengan hubungan lemah antara ekonomi utama. Walaupun begitu, kami tetap melaksanakan mandat kami iaitu menyokong ekosistem secara keseluruhan dan juga komuniti-komuniti di Malaysia sambil membina prestasi syarikat portfolio kami."

"Di dalam tempoh masa luar jangkaan ini, kami memanfaatkan momentum yang telah kami bina selama 10 tahun sejak penubuhan dengan menumpukan usaha untuk mempercepat keperluan mendesak pelaburan-pelaburan dan pihak berkepentingan kami. Adalah amat penting bagi kami menyegerakan pelaksanaan dan memudahkan cara strategi-strategi untuk masa hadapan seperti peningkatan operasi dan penambahbaikan perkhidmatan agar syarikat portfolio kami dapat menyesuaikan diri dengan landskap perniagaan yang berubah," jelas beliau lebih lanjut.

Dalam tempoh yang sama, menerusi dana langsung dan dana penyumberan luarnya, Ekuinas secara positif, telah meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera kepada RM5.6 bilion, bersamaan 1.4 kali ganda modal dilaburkan, serta meningkatkan jumlah pengurus dan kakitangan Bumiputera dalam syarikat portfolio masing-masing sebanyak 13.3% dan 10.5%. Dalam membantu masyarakat dan juga barisan hadapan serta mereka yang terkesan akibat pandemik, Ekuinas meningkatkan usaha Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR) melalui ILTIZAM dengan menyalurkan RM9.8 juta untuk ketiga-tiga teras di bawah ILTIZAM (Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti), dan memberi manfaat kepada hampir 6,600 penerima bantuan. Tambahan lagi, dana berjumlah RM10.0 juta iaitu Dana Ihsan COVID-19 ILTIZAM yang ditubuhkan untuk menyokong negara dalam memerangi pandemik juga telah berjaya menghulurkan bantuan kepada rakyat Malaysia serta perniagaan-perniagaan, dan usaha-usaha ini akan diteruskan sepanjang tahun 2021.

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, “Tahun 2020 bermula dengan perlahan. Secara keseluruhan, kegiatan PE pada suku pertama menjunam kerana kegiatan atau keputusan ditangguhkan akibat kawalan pergerakan serta kekurangan sentimen dengan keyakinan yang menurun dengan mendadak. Namun, gangguan yang ditimbulkan oleh pandemik ini tidak kekal lama dan industri PE menyaksikan pemulihian pesat, seperti yang dapat dilihat pada data suku ketiga tahun 2020 (Q3 2020)¹. Dengan keadaan tersebut, kami mengatur strategi bagi tahun 2021 untuk mempersiapkan syarikat portfolio dan juga kami sendiri dalam menangani rintangan akan datang.”

Memandang ke hadapan, Syed Yasir Arafat menambah, “Fokus utama Ekuinas untuk tahun 2021 adalah untuk mempergiatkan pencarian peluang urus niaga dan pengurusan portfolio, sambil mengekalkan arah strategi korporat secara keseluruhan. Kami telah membina saluran urus niaga yang mantap merangkumi peluang pelaburan yang berkualiti dan potensi yang pelbagai serta akan terus menambah baik aliran transaksi melalui kriteria urus niaga yang diperluas, ditambah dengan penyelidikan dan rangkaian yang lebih baik.”

“Kami sentiasa percaya adalah penting untuk mencapai nilai kewangan ke atas pelaburan-pelaburan kami bagi memastikan objektif sosial dapat dicapai secara lestari. Oleh yang demikian, mandat dan prestasi kami akan kekal sebagai keutamaan, serta peranan kami dalam menggalakkan penjanaankekayaan serta penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama dan mampan. Kami komited untuk memastikan pelaksanaan yang konsisten dan berdisiplin dengan menekankan tiga perkara iaitu melalui peningkatan aktiviti-aktiviti

penciptaan nilai untuk memastikan daya bingkas dan penyampaian prestasi; pematuhan ketat terhadap garis panduan tadbir urus; dan penyelarasan perniagaan melalui pengurusan prestasi yang terperinci. Kami ingin melaksanakan strategi ini bagi meningkatkan prestasi syarikat portfolio kami dan akhirnya untuk kepentingan masyarakat Bumiputera yang meluas," akhiri beliau.

Untuk membaca dengan lebih lanjut mengenai prestasi Ekuinas 2020, sila rujuk Perutusan Bersama Pengerusi dan CEO dalam Laporan Tahunan 2020, di halaman 14 – 22 (versi Bahasa Inggeris).

-Tamat-

¹ **Sumber:** [Bain 2021 Global Private Equity report](#)

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang bertujuan untuk membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama dan mampan. Objektif utama Syarikat adalah untuk menyampaikan nilai kewangan berdasarkan pelaburannya bagi memastikan objektif social dapat dicapai secara lestari.

Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barang pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan. Ekuinas telah disenarai pendek sebagai salah satu daripada 3 Firma Asia Tenggara Terbaik oleh Private Equity International (PEI) Awards bagi tahun 2018 dan 2019.

Untuk pertanyaan media:

Lok Ru Jun
Klareco Communications
M: +6012-325 6949
E: RLok@clarecomms.com

Ilman Ariffin
Klareco Communications
M: +6012-912 6949
E: IAriffin@clarecomms.com